

NAMA:

KELAS:

TARIKH:

SEJARAH TINGKATAN 1 BAB 6 PENINGKATAN TAMADUN YUNANI DAN ROM (M/S135-136)



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Monarki → Oligarki → Aristokrasi → Tirani → Demokrasi

Mengapakah dalam Tamadun Yunani berlaku perubahan pentadbiran seperti dalam rajah di atas?

- A. Memenuhi tuntutan rakyat.
- B. Memansuhkan sistem tradisional.
- C. Mengukuhkan sistem pemerintahan.
- D. Memperkenalkan kepelbagaian bentuk pentadbiran.

2. Antara berikut yang manakah merupakan ciri-ciri Dewan Perhimpunan di Athens?

- I. Dianggotai oleh kaum lelaki.
- II. Terdiri daripada 10 orang jeneral tentera.
- III. Terdapat juri sebagai pemutus sesuatu kes.
- IV. Bersidang sekurang-kurangnya tiga kali sebulan.

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

3. Apakah bukti masyarakat Sparta mementingkan latihan ketenteraan?

- A. Semua rakyat mesti berjiwa patriotik.
- B. Pemerintahannya diketuai dua orang raja.
- C. Kaum wanita tidak terlibat dalam ketenteraan.
- D. Anak lelaki dilatih dari awal untuk menjadi tentera yang baik.

4. Masyarakat Rom berjaya mengembangkan seni bina dalam pelbagai rupa disebabkan oleh pelbagai faktor.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah iktibar yang diperoleh daripada kejayaan masyarakat Rom?

- I. Kebolehan membina bangunan yang tahan dan kuat.
- II. Kepakaran membangunkan seni bina.
- III. Kekuatan pasukan tentera.
- IV. Kemajuan dalam kesusasteraan.

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

5. Dalam Tamadun Rom, akueduk berperanan untuk ...

- A. pertandingan pahlawan
- B. persembahan
- C. pertahanan
- D. pengairan

6. Berdasarkan pengetahuan anda, gambarkan keadaan sebuah *polis* dalam Tamadun Yunani.

Polis merupakan gabungan 3 komponen, iaitu _____, _____

Dan _____.

Polis juga merupakan _____ dan pusat tumpuan masyarakat.

Di tengah-tengah *polis* terdapat _____, iaitu pusat komuniti.

acropolis

Ibu kota

bandar utama

bandar kecil

kawasan kampung

7. Terangkan lima tahap perubahan system pemerintahan yang wujud di Athens sehingga munculnya sistem demokrasi.

	sistem beraja dan berasaskan keturunan.
	pemerintahan yang dikuasai oleh sebahagian kecil orang yang berkuasa.
	pemerintahan yang dikuasai oleh golongan bangsawan.
	pemerintahan yang zalim.
	pemerintahan yang dipilih oleh rakyat.



Pantheon, Rom, Itali.



Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur.

8. Merujuk kepada kedua-dua gambar bangunan di atas, selain daripada mempunyai ciri bersaiz besar, terdapat perbezaan ciri yang terdapat pada binaan tersebut. Pada pendapat anda, mengapakah ciri kedua-dua bangunan tersebut berbeza?